

20 SEP 1997

Jerebu-Sarawak

HARI KEDUA DARURAT DI SARAWAK: AKTIVITI HARIAN SEPERTI BIASA

KUCHING, 20 Sept (Bernama) -- Aktiviti harian bagi kebanyakan premis perniagaan dan makanan kembali seperti biasa di sini ketika Sarawak memasuki hari kedua darurat jerebu hari ini.

Suasana itu agak berlainan dari semalam apabila semua aktiviti terhenti apabila orang ramai tidak keluar dari rumah selepas pengumuman darurat dibuat oleh kerajaan negeri dan juga kerajaan pusat.

Keadaan darurat diisytiharkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur apabila bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) melepasi paras bahaya 500 dan mencecah 646 awal semalam.

Walaupun bacaan API 503 tengah hari tadi masih lagi di paras bahaya, ramai yang dilihat mengunjungi kedai-kedai makanan, pasaraya dan pusat-pusat hiburan di bandaraya ini.

Di Pasar Ahad mingguan yang memulakan operasi tengah hari tadi sehingga tengah hari esok di kawasan Satok di sini, penjaja Itang Anak Yen, 46, menjalankan perniagaannya seperti biasa menjual barang-barang hasil hutan.

Katanya darurat jerebu tidak menghalangnya membawa barang-barang jualan dari kampungnya di daerah Bau kira-kira 50 km dari sini.

Kedai-kedai ubat nampaknya laris dikunjungi pembeli-pembeli untuk mendapatkan topeng muka manakala klinik-klinik persendirian terpaksa bekerja lebih masa merawat mereka yang mengalami penyakit yang berkaitan dengan jerebu.

Di beberapa institut pengajian tinggi seperti Institut Teknologi Mara (ITM) cawangan Sarawak, kelas-kelas diteruskan seperti biasa kerana para pelajar mula mengambil ujian semester dari hari ini hingga bulan Oktober.

Satu kajian rambang Bernama menunjukkan kebanyakan rakyat Sarawak menyambut baik langkah mengisytiharkan darurat itu yang belum pernah dibuat sebelum ini, memandangkan keadaan yang semakin teruk.

Kakitangan kerajaan, Udin Bujang, mensifatkannya sebagai langkah yang wajar bagi kerajaan memandangkan jarak penglihatan yang buruk dan udara tidak sihat memerlukan dharurat diisytiharkan.

Beliau yang bertugas sebagai deejay dengan Radio Television Malaysia (RTM) di sini, berkata stesen itu telah mengumumkan pembatalan penjadualan beberapa aktiviti dan acara rasmi melalui berbagai programnya sejak itu.

Berikutan dengan pengisytiharan darurat itu, pihak-pihak berkuasa berkenaan seperti polis, tentera, pejabat setiausaha kerajaan telah menubuhkan bilik operasi masing-masing untuk mengawal keadaan secara 24 jam.

Seorang kakitangan hotline yang diadakan oleh Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri Sarawak di sini berkata kebanyakan pertanyaan dari orang ramai ialah mengenai perkembangan terkini keadaan jerebu.

Sementara itu, pengurusan dua harian bahasa Inggeris, Sarawak Tribune dan People's Mirror dan akhbar Bahasa Malaysia, Utusan Sarawak, membuat keputusan memberhentikan operasi selama dua hari.

Mereka berharap untuk menyambung pengeluaran Isnin ini dengan harapan keadaan cuaca dan jerebu akan bertambah baik. -- BERNAMA

CJ WAT